## FORMAT JAMINAN BANK

### Tujuan

Notis Kastam ini dikeluarkan untuk memaklumkan pengimportan, perlesen dan pembayar duti/cukai bahawa dua (2) format jaminan bank digunakan untuk keperluan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

1. Format A Jaminan Bank.

   Format ini digunakan untuk jaminan bank bagi menanggung semua pembayaran duti/cukai dengan cek.

2. Format B Jaminan Bank

   2.1 Format ini digunakan untuk jaminan bank bagi menjamin keselamatan hasil Negara iaitu duti kastam, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, denda dan penalti.

   2.2 Jaminan bank dalam format ini juga diperlukan bagi permohonan pengecualian duti/cukai bagi menjamin pembayaran duti/cukai yang terlibat sekiranya permohonan pengecualian tidak diluluskan oleh Perbendaharaan atau Jabatan Kastam Diraja Malaysia kelak.

   2.3 Maklumat tambahan berkaitan nombor rujukan Kastam/Perbendaharaan/Syarikat, deskripsi barangan, pengecualian dan lain-lain perkara yang sesuai boleh dicatat disudut atas sebelah kanan format ini. Ini untuk memudahkan mengenalpasti jenis dan tujuan sesuatu jaminan bank yang dikemukakan kepada pihak kastam untuk didaftar.

3. Contoh-contoh Format Jaminan Bank

   Sila lihat contoh format jaminan bank di sebelah

4. Keterangan Lanjut

   Keterangan lanjut boleh diperolehi dari mana-mana pejabat kastam atau berhubung terus dengan :

   Ketua Pengarah Kastam
   Unit Perhubungan Awam
   Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
   Blok 2G 1B, Kompleks Kementerian Kewangan
   Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62592 Putrajaya

Notis Kastam Bil 5
(Customs Notice No. 5)

KASTAM DIRAJA MALAYSIA

# FORMAT JAMINAN BANK
## (BANK GUARANTEE FORMATS)

## BANK GUARANTEE FORMATS

### Objective

This Customs Notice is issued to inform importers, licensees and other duty/tax payers the use of two (2) bank guarantee formats required by the Royal Customs Department.

1. Format A Bank Guarantee
   This format ii used for bank guarantee to cover all payment of duties/taxes by cheques

2. Format A Bank Guarantee

   2.1 This format is used for guarantee to secure national revenue, customs duty, excise duty, sales tax, services tax, compound and penalty.

   2.2 The bank guarantee in this format is also required for application of duty/tax, exemption to guarantee the payment of duty/tax leviable if the application for exemption is not approved by the treasury or the Royal Customs and Excise Department later.

   2.3 Additional information regarding Customs/Treasury/ Company 'reference' number, description of goods, exemption and other relevant matters can be started on the top right hand corner of the format. This is to easy identification of the type and purpose of the bank guarantee submitted to customs for registration.

3. Examples of Bank Guarantee Formats.

   Please see overleaf for examples of bank guarantee Formats.

4. Further Clarification

   Further Clarification may be obtained from any customs office or kindly contact :

   Ketua Pengarah Kastam
   Unit Perhubungan Awam
   Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
   Blok 2G 1B, Kompleks Kementerian Kewangan
   Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

FORMAT 'A'

(Jaminan ini hendaklah disediakan dengan Kertas Wajar Bank berkenaan)
3 salinan - 2 salinan disimpan di Pejabat Kastam
1 salinan dikembalikan kepadan bank selepas didaftar

Kepada :

Ketua Pengarah Kastam Malaysia
Kastam Diraja Malaysia
d/a ………………………………
(Stesen Kastam berkenaan)

**JAMINAN BANK UNTUK MENANGGUNG PEMBAYARAN DUTI/CUKAI KASTAM DAN CUKAI JUALAN (IMPORT) DAN DUTI EKSAIS (IMPORT) YANG DIBAYAR MELALUI CEK**

Di atas persetujuan tuan kepada permintaan kami untuk menerima cek-cek yang dikeluarkan atas kami oleh :

(Nama dan alamat syarikat) : ……………………………………………………………
……………………………………………………………
……………………………………………………………

Bagi pembayaran Duti/Cukai Kastam, Cukai Jualan (atas import) dan Duti Eksais (atas import) lain-lain pembayaran ………………………………………… (sebut nama stesen kastam); kami dengan ini bersetuju dan sanggup menanggung bayaran kepada tuan, bagi cek-cek yang dikeluarkan keatas kami dengan syarat jumlah amaun cek yang dikemukakan kepada kami untuk pembayaran pada satu hari tidak akan melebihi Ringgit Malaysia : ……………………………………… (RM ………………) dan cek-cek ini dikemukakan tidak lewat dari 30 hari selepas tamatnya tarikh sahlaku jaminan ini.

2. Jaminan ini sahlaku dari ……………………… (tarikh) hingga ……………………………… (tarikh).

3. Jaminan bank ini bolehlah ditamatkan pada bila-bila masa sahaja dalam tempoh sahlakunya dengan cara notis bertulis diberi oleh kami kepada tuan di mana dalam hal yang demikian, jaminan ini hendaklah disifatkan luput sahlakunya dan kami tidak lagi kena menanggung bayaran sebarang cek-cek yang dikemukakan kepada kami selepas tempoh lebih dari 3 hari daripada tarikh notis bertulis itu diterima oleh tuan.

Nama Bank Penjamin : ……………………………………………………
Alamat Bank : ……………………………………………………
No. Telefon : ……………………………………………………
Tandatangan Pengurus Bank : ……………………………………………………
(Cop Rasmi)

Bank : ……………………………………………………
Tarikh : ……………………………………………………

(Untuk kegunaan Pejabat)

No. Daftar : ……………………………………………………
Tarikh Daftar : ……………………………………………………
Tarikh Batal : ……………………………………………………

…………………………………
Pengarah Kastam

FORMAT 'B'

(Jaminan ini hendaklah disediakan dengan Kertas Wajar Bank berkenaan)

Akta Kastam 1967
Akta Cukai Jualan 1972
Akta Eksais 1976
Akta Cukai Perkhidmatan 1975

JAMINAN BANK

Kepada

Ketua Pengarah Kastam Malaysia
Kastam Diraja Malaysia
d/a ……………………………………
(Stesen Kastam berkenaan)

Ruj. Kastam/Perbendaharaan :
(Custom/Treasury Ref) : ……………………………………
Ruj. Permohonan Kami :
(Our Application Ref. : ……………………………………
Perkara :
(Subject Master) : ……………………………………

**JAMINAN BANK UNTUK MENJAMIN KESELAMATAN CUKAI-CUKAI KASTAM, DUTI EKSAIS, CUKAI JUALAN, CUKAI PERKHIDMATAN, DENDA DAN PENALTI**

Jaminan Bank No. ……………… untuk RM ……………… (Ringgit : ………………………………) berkuatkuasa mulai …………………… hingga ………………………dikeluarkan bagi menjamin keselamatan hasil dalam urusan * penyimpanan/pergerakan/pemindahan barangan yang berduti serta pembayaran * Cukai-cukai Kastam/Duti Eksais/Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan/Denda dan sebarang tuntutan yang perlu dibayar oleh……………………………… (Nama dan alamat pihak yang dijamin) dibawah akta-akta yang tersebut diatas. Di atas persetujuan tuan menerima jaminan dari kami (Nama dan alamat bank) ……………………………………… maka dengan ini kami menjamin dan mengaku untuk membayar kepada Ketua Pengarah Kastam Malaysia apabila dituntut secara bertulis, sejumlah wang tidak melebihi RM ……………… (Ringgit :…………………………) berkenaan perkara tersebut di atas yang perlu dibayar oleh pihak yang dijamin. Jaminan ini boleh dibatalkan sebelum tamat tempohnya oleh kami dengan memberi notis dua bulan secara bertulis kepada tuan. Sebarang tuntutan berkaitan dengan jaminan ini mestilah diterima oleh kami secara bertulis dalam masa sahlakunya jaminan ini atau tidak lewat dari tiga bulan selepas tarikh luput atau tarikh pembatalannya.

……………………………………………
(Tandatangan pihak berkuasa bank)

……………………………………………
(Jawatan)

Cop Bank

*Potong mana yang tidak berkenaan

(Untuk kegunaan pejabat)

No. Daftar : ……………………………………………………
Tarikh Daftar : ……………………………………………………
Tarikh Batal : ……………………………………………………

…………………………………
Pengarah Kastam Negeri